

HARI : KHAMIS
 TARIKH : 12/9/2019
 M/SURAT : 14

Bawal Exclusive beri amaran kepada penciplak

KUALA LUMPUR – Syarikat hijab mewah tempatan, Bawal Exclusive Sdn. Bhd. (Bawal Exclusive) memberi amaran akan mengambil tindakan undang-undang kepada pihak yang menciplak tudung keluarannya untuk meraih keuntungan mudah.

Pengasas Bawal Exclusive, Haliza Maysuri berkata, pihaknya sentiasa memantau kegiatan peniaga yang cuba mengambil kesempatan terhadap jenama keluaran syarikat itu.

“Bawal Exclusive bukan duduk diam sahaja, kita ingin lindungi hak dan jenama kita dan apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ambil tindakan, ia menjadi iktibar kepada yang lain semoga perkara ini tidak berulang,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, tindakan pengusaha yang menciplak Bawal Exclusive sangat melampau kerana meniru



HALIZA menunjukkan sampel tudung Bawal Exclusive yang tulen ketika sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

sepenuhnya tudung keluaran mereka.

“Coral yang ditiru adalah daripada tudung berharga RM50,000 tetapi dijual pada harga RM15 sehelai dan berlogokan Bawal Exclusive serta tidak menggunakan kristal Swarovski. Ini boleh menjasaskan kerjasama Bawal Exclusive dengan pihak Swarovski.

“Saya terkilan. Kita

telah mengusahakan jenama ini selama 20 tahun dan senang-senang sahaja mereka nak merosakkannya. Namun, saya bersyukur kerana ramai memberi sokongan dan bekerjasama untuk membantera hal cetak rompak ini,” ujarnya.

Sementara itu, peguam mewakili syarikat berkenaan, Ahmad Hafiz Zubir berkata, siasatan

berhubung kes terbabit masih berjalan mengikut Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana barang dirampas mengandungi cap dagang Bawal Exclusive tiruan.

Kelmanin, sebanyak 1,631 helai tudung berjenama Bawal Exclusive disyaki tiruan dirampas oleh KPDNHEP di sebuah premis di Jalan Langgar di Alor Setar, Kedah selepas menerima maklumat dan aduan daripada pemilik cap dagang berkenaan.

Serbuan oleh KPDNHEP pada hari sama turut dijalankan di kawasan Masjid India di ibu negara dengan merampas 3,270 helai tudung tiruan Bawal Exclusive. Nilai rampasan di kedua-dua premis tersebut adalah sebanyak RM73,965.

Mengulas lanjut, Haliza berkata, ini merupakan tindakan tegas kali pertama oleh pihak mereka sebagai peringatan kepada usahawan lain supaya tidak mengambil jalan mudah untuk meraih untung.